



9 Disember 2019  
9 December 2019  
P.U. (A) 337

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGEQUALIAN) 2019

*PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pengecualian) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2019.

**Pengecualian**

2. Tertakluk kepada perenggan 3, Menteri mengecualikan Farmcochem Sdn. Bhd. (No. Syarikat 193015-K) daripada larangan di bawah perenggan 13(1)(b) Akta bagi maksud mengilang racun makhluk perosak dan kehendak di bawah perenggan 15(2)(a) Akta bagi maksud permohonan bagi lesen untuk mengilang racun makhluk perosak.

**Syarat pengecualian**

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat bahawa racun makhluk perosak itu hendaklah dikilangkan di bawah suatu perjanjian untuk orang yang mendaftar racun makhluk perosak itu.

Dibuat 5 Disember 2019  
[KP/LA/483/11 Jld 10; PN(PU2)275/XXII]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by section 59 of the Pesticides Act 1974 [Act 149], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Pesticides (Exemption) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 15 December 2019.

**Exemption**

2. Subject to paragraph 3, the Minister exempts Farmcochem Sdn. Bhd. (Company No. 193015-K) from the prohibition under paragraph 13(1)(b) of the Act for the purpose of manufacturing a pesticide and the requirement under paragraph 15(2)(a) of the Act for the purpose of application for a licence to manufacture a pesticide.

**Condition of exemption**

3. The exemption under paragraph 2 is subject to the condition that the pesticide shall be manufactured under an agreement for the registrant of the pesticide.

Made 5 December 2019  
[KP/LA/483/11 Jld 10; PN(PU2)275/XXII]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
*Minister of Agriculture and Agro-Based Industry*